



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KESIHATAN MULUT TONGGAK KESEJAHTERAAN RAKYAT, BUKAN SEKADAR KEMEWAHAN

Georgetown, 6 November 2025 - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menegaskan bahawa **kesihatan mulut adalah sebahagian daripada kesihatan menyeluruh rakyat** yang **berasaskan Pergigian** dan bukan kemewahan semata. KKM sentiasa memperkasa sektor kesihatan dari pelbagai sudut termasuklah pergigian dan ini selaras dengan pelaksanaan **Global Oral Health Action Plan (GOHAP) 2023–2030** oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta prinsip **Universal Health Coverage (UHC)**.

Pelaburan dalam kesihatan mulut merupakan pelaburan kesihatan menyeluruh untuk rakyat. Justeru itu, KKM merangka dan memperkukuh pelbagai inisiatif yang menyeluruh berhubung aspek pergigian dan ini termasuklah:

- i. **Program Kesihatan Pergigian Sekolah**, bagi mendidik amalan penjagaan gigi sejak di awal usia;
- ii. **Perkhidmatan pergigian komuniti** melalui klinik dan unit bergerak; dan
- iii. **Kempen gaya hidup sihat** yang menekankan pengurangan pengambilan gula, hentikan penggunaan *vape* dan galakan pemeriksaan pergigian berkala.

Sistem asas pergigian seperti **Dental Information System (DIS)** dan **MyVAS** sedang turut diperluas sebagai antara inisiatif bagi mempertingkatkan kecekapan dan keseragaman perkhidmatan pergigian di seluruh negara. Sehingga kini, **71 klinik pergigian** telah menggunakan sistem DIS dan sebanyak **956 klinik** disasar beroperasi secara digital sepenuhnya menjelang tahun **2027**. inisiatif ini juga merupakan **transformasi digital** dalam sektor kesihatan pergigian yang merupakan sebahagian **komponen penting** dalam **agenda pendigitalan KKM**.

Malah, era Kecerdasan Buatan (AI) dan teknologi 3D Printing masa kini juga menuntut untuk sektor kesihatan termasuk bidang kesihatan mulut atau pergigian bergerak seiring dengan perkembangan teknologi ini. Pendigitalan bukan sekadar melibatkan penggunaan sistem, tetapi turut merangkumi transformasi cara kerja baharu yang lebih cepat, tepat dan berpusatkan pesakit.

Dalam **Lawatan Rasmi dan Sesi Ramah Mesra** bersama warga **Pusat Pergigian Kanak-Kanak dan Institut Latihan KKM (Pergigian)** Georgetown hari ini, YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan turut menzahirkan penghargaan kepada institusi tersebut yang telah **melahirkan lebih 12,000 tenaga profesional pergigian** termasuk **Juruterapi, Juruteknologi** dan **Pembantu Pembedahan Pergigian** yang kini berkhidmat di seluruh negara.

Pendekatan “**Hospital Pendidikan**” yang diterapkan di institusi ini turut mendapat pujian dan perhatian YB Menteri kerana pendekatan seumpama ini sedikit sebanyak menyuntik kejayaan institusi dalam melahirkan tenaga pergigian yang bukan sahaja berkemahiran tinggi, tetapi juga berjiwa empati serta berorientasikan khidmat kepada masyarakat.

KKM akan terus komited dalam memperkukuh sektor pergigian bukan semata untuk bergerak seiring dengan teknologi semasa tetapi untuk memperkasa kesihatan mulut bagi memastikan rakyat Malaysia menikmati “**Senyuman Sihat Sepanjang Hayat**”. Ini selaras dengan nilai MADANI - *Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta dan Ihsan*.

-TAMAT-

Kementerian Kesihatan Malaysia

